

Artikel

Keperluan tidak Penuhi dalam kalangan Penjaga Warga Emas Uzur (*Unmet Needs among Frail Elderly Caregivers*)

Norisma Aiza Ismail^{1,2*}, Khadijah Alavi² & Aizan Sofia Amin²

¹ Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeingTM), Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Malaysia

² Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: khadijah@ukm.edu.my

Diserah: 01 Jun 2024

Diterima: 01 Ogos 2024

Abstrak: Menjaga Warga emas uzur (WEU) di rumah boleh memberi pelbagai cabaran dan menjejaskan keperluan penjaga tidak formal. Di Malaysia, tidak banyak kajian difokuskan dalam kalangan penjaga. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka keperluan tidak dipenuhi (KTD) dalam kalangan penjaga WEU di rumah. Reka bentuk kajian ini adalah secara kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Kajian ini telah dilaksanakan di daerah Hulu Langat, Selangor menggunakan jenis persampelan bertujuan dengan kriteria inklusi. Seramai enam orang penjaga WEU telah berjaya ditemu bual dan dikenal pasti melalui Persatuan Pesara UKM, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) UKM dan Persatuan Penduduk setempat. Data kajian telah dianalisis secara tematik menggunakan analisis manual. Hasil kajian menunjukkan lima tema KTD dialami penjaga iaitu kesejahteraan emosi, masalah kesihatan, keperluan sosial, rehat dan tidur serta impak pekerjaan. Kesemua penjaga mengalami sekurang-kurangnya satu KTD dan kesejahteraan emosi merupakan KTD paling kerap dilaporkan. Terdapat penjaga yang mengalami stres sehingga meninggalkan kesan negatif kepada tubuh WEU. Segelintir pula mengalami masalah kesihatan termasuk kemurungan dan kebimbangan, kurang berat badan, sakit pinggang dan tangan. Keperluan sosial penjaga juga sangat terhad dan kebanyakan mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Penjaga juga tidak menikmati rehat dan tidur secukupnya. Terdapat penjaga yang berhenti kerja untuk memberi fokus kepada penjagaan. Kesimpulannya, KTD dalam kalangan penjaga sangat memberi kesan kepada diri mereka dan warga emas yang dijaga. Malah masalah ini berisiko tinggi menyumbang kepada kes penderaan yang lebih serius. Justeru sokongan kepada penjaga ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar KTD dalam kalangan penjaga dapat dikurangkan.

Kata kunci: Keperluan tidak dipenuhi; penjaga; warga emas; uzur; tidak formal

Abstract: Caring for frail elderly (WEU) at home can be challenging and affects the needs of informal caregivers. In Malaysia, not many studies were focused on caregivers. Therefore, this study aims to explore the unmet needs (KTD) among frail elderly caregivers at home. The design of this study is qualitative with a phenomenological approach. This study was carried out in the district of Hulu Langat, Selangor using a sampling technique with inclusion criteria. A total of six frail elderly caregivers were successfully interviewed and identified through the UKM's Pensioners Association, UKM's Senior Citizens Activity Centre (PAWE) and the Local Residents' Associations. The data was analyzed thematically using manual analysis. The results of the study showed that five themes of KTD were experienced by caregivers in terms of emotional well-being, health problems, social needs, rest and sleep as well as work impact. All caregivers had at least one KTD and emotional well-being was the most frequently reported. There are caregivers who are so stressed

and leave a negative impact on the WEU's body. A few caregivers suffer from health problems including depression, anxiety, underweight, back pain and hand pain. Their social needs are also very limited and most caregivers are not involved in community activities. Caregivers also do not enjoy adequate rest and sleep. There are caregivers who quit their jobs to focus on caregiving. In conclusion, KTD among caregivers has a great impact on them selves and their WEUs. In fact, this problem has a high risk of contributing to more serious cases of abuse. Therefore, support for these caregivers needs to be paid attention to by all parties so that the KTD among caregivers can be reduced.

Keywords: Unmet needs; caregivers; elderly; frail; informal

Pengenalan

Malaysia sedang mengalami pertambahan bilangan warga emas yang mendadak dan dijangka bakal bergelar negara tua pada tahun 2030 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Pertambahan bilangan warga emas yang pantas ini dijangka akan meningkatkan bilangan warga emas uzur (WEU) di Malaysia dan seterusnya akan meningkatkan bilangan penjaga WEU di dalam negara. Ini kerana keuzuran dalam kalangan warga emas melibatkan ketidakupayaan fizikal, masalah kesihatan dan penurunan keupayaan untuk melakukan aktiviti harian (Andrew et al., 2012; Fried et al., 2001; Sovde et al., 2024; WHO, 2017).

Selalunya ahli geriatrik menggunakan terma uzur dengan mengaitkannya dengan keadaan seperti otot lemah, tulang rapuh, kehilangan berat badan, mudah terkena jangkitan dan trauma, serta mengalami kemerosotan dari segi keupayaan fizikal dan sebarang keadaan atau kombinasi keadaan tersebut yang berlaku pada masa yang sama (Walston et al. 2006). Pada peringkat awal, definisi uzur cenderung kepada bidang sains. Namun begitu, selaras dengan perkembangan kajian, penyelidik telah menggunakan pendekatan berbeza dalam memberikan konsep keuzuran mengikut ciri fizikal, sosial dan kognitif. Walau bagaimanapun kebanyakan definisi yang digunakan lebih cenderung memfokuskan kepada kemerosotan fizikal dalam kalangan warga emas (Endal et al. 2023; Gobbens et al. 2010; Rasiah et al. 2022; Sieber 2017). Mengikut Fried et al. (2001), uzur adalah satu sindrom geriatrik yang mana terdapat 5 kriteria dalam mengkategorikan status keuzuran iaitu (i) kehilangan berat badan, (ii) letih, (iii) lemah, (iv) pergerakan yang perlahan dan (v) kurang aktiviti fizikal. Status “tidak uzur (*robust*)” sekiranya tidak mempunyai sebarang kategori di atas. “pra-uzur (*pre-frail*)” dikatakan berlaku dalam kalangan mereka yang mempunyai kurang daripada dua kategori keuzuran, status “uzur (*Frail*)” sekiranya mempunyai lebih daripada tiga kategori di atas. Manakala Zhao et al. (2023) pula mengkategorikan seseorang mengalami “keuzuran psikologi dari aspek kognitif” sekiranya mereka mengalami demensia atau alzheimer.

Secara tradisinya warga emas dijaga oleh penjaga tidak formal yang terdiri daripada ahli keluarga, saudara mara, jiran, kawan (Hinders, 2019) dan sukarelawan (Khadijah & Fazni, 2022). Penjaga tidak formal berlaku secara automatik samada disebabkan tanggungjawab/pertalian darah/perkahwinan/kasih sayang/hubungan emosi seseorang (Abdullah et al., 2015; Khadijah & Fazni, 2022). Malahan kajian lepas mengatakan bahawa warga emas biasanya mengharapkan anak untuk menjaga mereka dihari tua (Tamat & Vellymalay, 2019). Oleh yang demikian, tidak hairanlah dapatan kajian lepas melaporkan bahawa kebanyakan penjaga tidak mempunyai latihan dan pengalaman penjagaan. Kekurangan ini akan menyukarkan penjaga terutama dalam menguruskan warga emas yang terlantar dan mempunyai penyakit kronik (Abdullah et al., 2015; Akgun-Citak et al., 2020; Jika et al., 2021; Khadijah & Fazni, 2022). Penjaga yang tidak mempunyai latihan dan pengalaman serta bidang jagarawatan (*nursing care*) boleh menghadapi kesukaran ketika melaksanakan aktiviti penjagaan (Abdullah et al., 2015; Figueiredo et al., 2021; Hughes et al., 2014; Khadijah & Fazni, 2022). Malahan penjagaan kepada golongan yang mempunyai penyakit kronik juga dikatakan memberi tekanan kepada penjaga mereka (Saadah & Abdullah, 2015). Tambahan pula, penjagaan WEU ini biasanya memerlukan komitmen penjagaan secara intensif dan berterusan sehingga ke akhir hayat (Lekan et al., 2021; Sovde et al., 2024).

Penjaga juga tidak menyedari kemampuan diri dan peranan penjaga. Mereka juga sering dikatakan ingin membalas jasa kepada ibubapa mereka (Nassuruddin 2021). Konsep membalas jasa ini juga merupakan tuntutan dalam ajaran islam yang mewajibkan anak-anak menjaga dan berbuat baik kepada kedua-dua ibubapa

seperti yang terdapat di dalam Al-Quran (Al-Baqarah:180,215; An-Nisa':36; Al-An'aam:151; Al-Isra':23; Maryam:14,32; Al-Ankabut:8; Al-Lukman:14 dan Al-Ahqaf:15 (Nurhayati et al. 2017). Bagi bukan Islam pula hal ini sering disebut dalam teori *filial piety* yang selalunya dikaitkan dengan budaya orang Cina (Xiao et al., 2024). Untuk menunaikan tanggungjawab tersebut, penjaga sanggup mengubah rutin harian dan gaya hidup serta dinamika keluarga sehingga mengorbankan keperluan diri sendiri (Gemito et al., 2024). Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka keperluan tidak dipenuhi (KTD) dalam kalangan penjaga tidak formal yang melaksanakan aktiviti penjagaan kepada warga emas uzur di rumah mereka. Konsep KTD yang dikaji adalah berkaitan keperluan diri penjaga yang tidak dapat dilakukan dan tidak mendapat bantuan sesiapa untuk menanganinya.

Sorotan Literatur

Menurut Hermsen et al. (2018), KTD didefinisikan sebagai kekurangan pertolongan atau ketidakcukupan bantuan untuk mengurangkan atau menyelesaikan masalah. KTD boleh berlaku apabila seseorang tidak boleh melakukan aktiviti kehidupan harian (ADL) dan instrumen aktiviti kehidupan harian (IADL), serta tidak menerima bantuan mencukupi untuk menghadapi cabaran yang dialami (Desai, Lentzner, & Weeks, 2001). Dalam konteks penjagaan sosial, ia juga dikatakan sebagai ketidakcukupan penjagaan formal atau tidak formal untuk memenuhi keperluan. Konsep KTD ini ditentukan oleh interaksi antara jenis dan tahap keperluan seseorang dan jenis serta tahap sokongan yang mereka terima dan dipengaruhi oleh ciri demografi, sosioekonomi dan status kesihatan mereka (Vlachantoni et al., 2024).

Dapatan kajian lepas menunjukkan lebih tiga perempat daripada penjaga mengalami sekurang-kurangnya satu KTD (Mansfield et al., 2022; Denham et al., 2020). Walau bagaimanapun, didapati jenis KTD yang dialami penjaga adalah pelbagai. Sebagai contoh, Mansfield et al. (2022) mendapati jenis KTD yang paling kerap dilaporkan adalah kesejahteraan emosi, mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan penjagaan warga emas, pengurusan apati (*managing apathy*) dan mendapatkan maklumat. Kalankova et al. (2021) pula mendapati penjaga kerap melaporkan KTD dari aspek informasi, psikologi, fizikal dan kefungsiannya. Manakala Janssen et al. (2020) pula menyatakan bahawa skor tekanan relatif penjaga tinggi apabila dikaitkan keperluan sosial yang tidak dipenuhi berbanding aspek keperluan yang lain. Sementara survei oleh Denham et al. (2020) pula menunjukkan bahawa KTD yang paling kerap (74%) adalah dalam kategori penjagaan diri terutama dari segi mengurangkan tekanan. Beliau juga mendapati penjaga muda dan wanita mengalami KTD lebih tinggi berbanding kumpulan lain.

KTD dikatakan boleh mendatangkan kesan buruk kepada seseorang termasuklah kemurungan (Weaver, 2017) dan masalah kesihatan yang lain seperti kulit kusam, hilang berat badan, dehidrasi dan insiden jatuh serta mempunyai perkaitan signifikan dengan bilangan keluar masuk ke hospital (He et al., 2015; Hoogendijk et al., 2014). Malah boleh membawa maut kepada warga emas (He et al., 2015). Manakala Faizal et al. (2023) pula mendapati penjaga warga emas yang mengalami keletihan melampau (*burn out*) boleh menyakiti hati atau melakukan perbuatan yang menyakitkan kepada warga emas yang dijaga. Walau bagaimanapun mengikut Diwan & Moriarty (1995), dengan mengetahui cabaran keperluan dipenuhi dan tidak dipenuhi, kita akan mendapat maklumat berguna untuk merancang perkhidmatan penyampaian berkesan. Secara tidak langsung penyediaan sokongan dapat disediakan mengikut keperluan sebenar penjaga selain mengelak daripada pembaziran seperti bekalan tidak digunakan atau terlebih guna, tidak mencukupi dan salah guna (Stein et al., 2014).

Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah secara kualitatif menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kutipan data dilaksanakan secara temubual mendalam separa berstruktur yang dilaksanakan pada bulan September 2023 sehingga Februari 2024. Pada peringkat awal, kajian ini telah mengenalpasti seramai 15 orang penjaga WEU (informan) yang dikatakan sedang memberikan penjagaan di rumah mereka di sekitar daerah Hulu Langat Selangor. Penjaga WEU tersebut dikenal pasti melalui Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) UKM serta Persatuan Penduduk di Kawasan Bangi dan Cheras. Walau bagaimanapun penyelidik mendapati tiga daripada mereka tidak memenuhi kriteria yang mana warga emas hanya terlantar di hospital atau dijaga dalam tempoh yang terlalu singkat atau telah lama meninggal

dunia. Lima orang penjaga pula tidak bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini dengan tiga daripada mereka memberikan alasan seperti takut, sibuk dan tiada masa. Manakala dua daripada mereka tidak memberikan apa-apa alasan. Seorang lagi telah menarik diri daripada kajian ini tanpa memberi alasan. Hanya enam orang sahaja atau 40% daripada mereka yang memenuhi kriteria, bersetuju dan berjaya ditemubual. Kriteria inklusi (*inclusion criteria*) kajian terdiri daripada penjaga tidak formal, berumur 18 tahun ke atas, merupakan penjaga utama dan tinggal bersama dengan warga emas. Penjaga yang tidak memenuhi kesemua kriteria tersebut (*Exclusion criteria*) dikecualikan daripada terlibat dalam kajian ini. Seterusnya maklumat kajian akan dianalisis secara manual mengikut tema-tema yang diperolehi. Maklumat atau data yang diperolehi telah ditukarkan kepada transkripsi verbatim yang kemudiannya diberikan kod dan tema tertentu. Penyelidik melakukan enam langkah analisis tematik seperti yang dikemukakan oleh Clark & Braun (2013) iaitu (i) membiasakan diri dengan data, (ii) mencipta kod permulaan, (iii) mencari tema, (iv) menyemak semula tema, (v) menentukan tema dan (iv) penulisan.

Hasil Kajian

1. Latar Belakang Penjaga dan Warga Emas Uzur

Analisis ke atas hubungan di antara penjaga WEU (informan) dengan WEU yang dijaga menunjukkan bahawa kebanyakan penjaga adalah wanita. Hanya seorang sahaja penjaga adalah lelaki. Kesemua penjaga merupakan ahli keluarga terdekat yang mana kedua-dua ciri penjaga ini didapati konsisten dengan pengkaji lepas yang menyatakan hal ini (Alavi et al., 2011; Khadijah & Fazni, 2022; Sovde et al., 2024). Empat orang informan adalah isteri kepada WEU, seorang adalah anak sulung kepada WEU dan seorang lagi adalah cucu kepada anak sulung WEU. Umur penjaga WEU pula adalah di antara 25 hingga 73 tahun dan 70% daripada mereka berada dalam kategori warga emas (60 tahun ke atas). Manakala umur WEU yang dijaga adalah di antara 63 hingga 84 tahun. Ini menunjukkan bahawa di Malaysia juga telah berlaku konsep 'warga emas menjaga warga emas' seperti yang berlaku di negara maju yang lain (Tsai et al., 2021). Lima daripada penjaga telah berkahwin dan seorang penjaga masih bujang. Semua isteri kepada WEU memiliki tahap pendidikan diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala dua orang penjaga masing-masing memiliki tahap pendidikan di peringkat Diploma (anak WEU) dan Ijazah sarjana muda (cucu WEU). Hanya seorang penjaga yang bekerja sendiri dan selebihnya tidak bekerja atau berstatus suri rumah sepenuh masa. Terdapat dua orang penjaga yang mempunyai masalah kesihatan yang mana salah seorang daripada mereka mempunyai penyakit kencing manis dan darah tinggi (R1) dan seorang lagi juga mempunyai masalah yang sama dan turut mengalami masalah kebimbangan (*anxiety*), depresi, hepatitis dan bacaan kolesterol yang tinggi (R5). Penjaga WEU tinggal bersama dua hingga enam orang ahli isi rumah dengan purata seramai empat orang. Dari segi pengalaman, didapati hanya dua orang penjaga sahaja yang mempunyai pengalaman menjaga nenek dan ibubapa mereka sendiri dan selebihnya tidak mempunyai pengalaman menjaga warga emas (Jadual 1).

Jadual 1. Latar Belakang Penjaga Warga Emas Uzur (WEU)

ID	Hubungan dengan WEU	Umur WEU	Umur penjaga	Jantina penjaga	Status perkahwinan penjaga	Tahap pendidikan penjaga	Pekerjaan penjaga	Masalah kesihatan penjaga	Bilangan isirumah	Pengalaman menjaga WEU
R1	Isteri	70	68	Perempuan	Berkahwin	SPM	Surirumah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kencing manis ● Darah tinggi 	4	X
R2	Isteri	73	69	Perempuan	Berkahwin	SPM	Surirumah	-	2	X
R3	Anak sulung WEU	63	37	Lelaki	Berkahwin	Diploma	Sendiri	-	4	√ (nenek & ibu)
R4	Isteri	78	64	Perempuan	Berkahwin	SPM	Surirumah	-	5	√ (ibu & bapa)
R5	Isteri	84	73	Perempuan	Berkahwin	SPM	Surirumah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kencing manis ● Darah tinggi <ul style="list-style-type: none"> ● Anxiety ● Depresi ● Hepatitis ● Kolesterol 	5	X
R6	Cucu kepada anak sulung WEU	82	25	Perempuan	Bujang	Ijazah sarjana muda	Tidak bekerja	-	6	X

Petunjuk:

- WEU = Warga Emas Uzur
 X = Tiada pengalaman
 √ = Ada pengalaman
 - = Tiada masalah kesihatan

2. Keadaan Warga Emas Uzur

Keadaan warga emas uzur (WEU) dalam artikel ini dibentangkan dari segi status kefungsiannya, masalah kesihatan, status keuzuran dan tempoh jagaan (Jadual 2). Status kefungsiannya WEU diukur menggunakan instrumen Indeks Aktiviti Harian Katz (ADL) yang menunjukkan bahawa semakin tinggi skor diperolehi, maka semakin tinggi kefungsiannya WEU untuk melakukan aktiviti harian mereka sendiri. Sebaliknya semakin rendah skor diperolehi, maka semakin kurang aktiviti harian dapat dilakukan oleh warga emas tersebut. Hasil kajian menunjukkan lima orang (83%) warga emas yang dijaga memperoleh skor ADL kurang daripada 6/6 atau dengan kata lain mempunyai sekurang-kurangnya satu masalah untuk melakukan aktiviti harian mereka.

Dua orang WEU masing-masing memperoleh skor 3/6 dan 4/6 serta seorang warga emas memperoleh skor 5/6. Sebaliknya hanya seorang sahaja warga emas uzur yang masih boleh melakukan kesemua aktiviti harian mereka sendiri. Walau bagaimanapun warga emas tersebut masih memerlukan bantuan penjaga disebabkan beliau tidak boleh berdiri lama dan mempunyai masalah pendengaran. Dari segi masalah kesihatan, didapati kesemua (100%) WEU ini mempunyai sekurang-kurangnya dua masalah kesihatan seperti masalah jantung, kencing manis, darah tinggi serta penyakit-penyakit lain termasuklah dimensia, gout, gatal badan, strok, alzheimer dan inkontinen. Tiga orang (50%) daripada warga emas memakai pampers dan jumlah yang sama memakai kerusi roda dan tidak boleh berdiri langsung. Manakala 33% lagi tidak boleh berdiri lama. Di samping itu, 24% warga emas mengalami masalah kurang pendengaran dan 17% mengalami masalah penglihatan. Berdasarkan kategori uzur yang dinyatakan oleh Fried et al. (2001) dan Zhao et al. (2023), didapati dua orang masing-masing dikategorikan sebagai pra uzur dan uzur, seorang dikategorikan sebagai uzur kognitif sahaja dan seorang lagi mengalami pra uzur dan kognitif.

Dari segi tempoh jagaan pula, kajian menunjukkan bahawa terdapat penjaga yang telah menjaga warga emas uzur sejak dari tahun 2018, diikuti tahun 2020, 2021, 2022 dan paling terkini adalah pada tahun 2023 iaitu dengan tempoh penjagaan di antara dua bulan hingga lima tahun. Hampir semua penjaga perlu menyediakan keperluan hidup WEU dalam semua aspek. Antara bentuk penjagaan yang diberikan oleh penjaga termasuklah menukar pampers, memandikan, mencuci najis, menyediakan makanan, mengangkat warga emas dari katil dan penjagaan diri seperti memotong kuku, menyikat rambut, melakukan senaman dan sebagainya.


Jadual 2 : Status Kefungsian, Masalah Kesihatan WEU, Status Keuzuran dan Tempoh Jagaan

ID	Aktiviti Harian (<i>Activity of Daily Living – ADL</i>)							Masalah kesihatan	Lain-lain	Status keuzuran	Tempoh jagaan
	Mandi	Memakai pakaian	Ke bilik air	Berpindah tempat	Kawalan kencing/najis	Menyuap makanan	Jumlah Skor				
R1	√	√	√	√	X	√	5/6	<ul style="list-style-type: none"> ● Jantung ● Dimensia (awal) 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pakai pampers ● Suka keluar rumah 	Kognitif	2023 (1 tahun)
R2	√	√	√	√	√	√	6/6	<ul style="list-style-type: none"> ● Kencing manis ● Darah tinggi ● Gout ● Gatal-gatal badan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kurang pendengaran ● Tidak boleh berdiri lama 	Pra-uzur	2021 (2 tahun)
R3	X	√	X	√	X	√	3/6	<ul style="list-style-type: none"> ● Kencing manis ● Darah tinggi ● Strok 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pakai tiub susu ● Kerusi roda ● Tidak boleh berdiri 	Uzur	2020 (3 tahun)
R4	√	√	X	√	X	√	4/6	<ul style="list-style-type: none"> ● Kencing manis ● Darah tinggi ● Jantung 	<ul style="list-style-type: none"> ● OKU dari muda ● Berkerusi roda ● Tidak boleh berdiri 	Pra-uzur	2018 (5 tahun)
R5	√	√	√	√	X	√	5/6	<ul style="list-style-type: none"> ● Alzheimer (awal) ● Incontinen 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kurang pendengaran ● Penglihatan - kabur ● Pakai pampers ● Tidak boleh berdiri lama 	Kognitif dan Pra-uzur	2022 (2 tahun)
R6	√	√	X	X	X	√	3/6	<ul style="list-style-type: none"> ● Kencing manis ● Darah Tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> ● Tidak boleh berdiri ● Berkerusi roda ● Pakai pampers (malam) 	Uzur	2023 (2 bulan)

Petunjuk: X = Tiada boleh melakukan (perlu bantuan penjaga) √ = Boleh melakukan sendiri (Tanpa bantuan)

3. Keperluan Tidak Dipenuhi Penjaga Warga Emas Uzur

Rajah 1 di bawah menunjukkan lima tema KTD yang dialami penjaga WEU kajian ini iaitu (i) kesejahteraan emosi, (ii) masalah kesihatan, (iii) keperluan sosial, (iv) rehat dan tidur dan (v) impak pekerjaan. Kajian juga mendapati kesemua penjaga WEU mengalami sekurang-kurangnya satu KTD.



Rajah 1. Keperluan Tidak Dipenuhi Dalam Kalangan Penjaga WEU

Kesejahteraan Emosi

Kajian menunjukkan bahawa kesejahteraan emosi penjaga WEU terjejas akibat daripada aktiviti penjagaan warga emas. Hampir semua penjaga melaporkan bahawa mereka mengalami tekanan (*stress*) dan didapati KTD ini paling kerap dialami penjaga berbanding KTD yang lain. Walau bagaimanapun, tahap tekanan yang dialami adalah berbeza-beza. Ada di antara penjaga yang mengalami masalah kemurungan (*depression*) dan kebimbangan (*anxiety*) sehingga perlu mendapat rawatan di hospital sehingga kini. Masalah kemurungan dan kebimbangan ini dilaporkan mula dialami penjaga disebabkan tingkah laku WEU yang dikatakan menjadi-jadi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di dalam negara. Selain itu, terdapat juga salah seorang penjaga yang turut mengambil tindakan sehingga mendatangkan kesan fizikal terhadap tubuh warga emas seperti mencubit dan memukul warga emas disebabkan perasaan marah dan geram yang tidak terkawal. Terdapat juga penjaga yang mengalami stres disebabkan perlu membantu warga emas dari semua aspek. Perkara ini dikatakan menjadi tekanan kerana penjaga juga tergolong dalam kalangan warga emas yang mana ketidakupayaan mereka semakin berkurangan, pergerakan semakin perlahan dan penjaga cepat penat. Selain itu, kegagalan untuk memenuhi permintaan warga emas dan kerisauan penjaga terhadap warga emas juga dikatakan menjadi faktor tekanan sehingga menjejaskan kesejahteraan emosi penjaga.

“Sentiasa streslah, ...dia sendiri hilang. Dia nak pergi keluar, dia keluar je... Sedih tu kerana degil je.. tak dengar kata. Dia jadi lupa.. nak kena sentiasa ingat.. itu je.. kalau tak suruh, tak buat. Kita sibuk-sibuk, kita tinggalkan, kita ingatkan dia buat.. ha.. Tak tahulah. Tangan ni setan ...saya kadang, ...ha biarlah, lantaklah. ...achik ni kan bukan jenis yang sabar, tangan tu cepat je dia naik, ...dah geram nak buat macamana?” - (R1)

“...yang buat stress disebabkan jaga dia tu. ...aa sebab yang tulah nak kena everything nak kena tolong tu. ...kita penat.. semakin berusia semakin penat. ...salah satu sebab kita penat.... lagipun kita dah rasa very slow movement jugak”. - (R2)

“...dia macam perlu perhatian yang lebih jugaklah kan.. macam kalau tak dapat apa-apa benda yang dia nak, macam dia nak makan sesuatu, tapi kita tak dapat nak mengadakan, lepas tu dia macam stress. Bila dia stress.. kita pun samalah jugak, kita tak dapat nak penuhi semua kan. Dia stress, kita pun stress jugaklah”. - (R4)

“So many times.. tapi istighfar.. istighfar.. aunty istighfar.. istighfar.. istighfar.. memang.. memang.. kalau ikutkan nauzubillah.. nauzubillah.. tapi I istighfar balik. Is not penat, tapi depress jugalah at times”. - (R5)

Masalah Kesihatan

Hasil kajian juga mendapati bahawa kesihatan penjaga turut terjejas akibat daripada aktiviti penjagaan yang diberikan kepada WEU. Seorang penjaga melaporkan bahawa beliau menghadapi penyakit kemurungan dan kebimbangan sehingga perlu mendapatkan rawatan di hospital. Manakala dua orang penjaga pula mengalami impak fizikal dengan mengatakan bahawa mereka mengalami kurang berat badan, sakit pinggang dan tangan, tidak boleh membuat kerja berat seperti mengangkat warga emas dan terpaksa melakukan aktiviti penjagaan walaupun cedera dan dicadangkan oleh doktor untuk tidak melakukan aktiviti-aktiviti tersebut.

...masa 2 tahun yang tak keluar tu, dengan dia punya perangai macam tu buat I anxiety and depression. ...Anxiety .. I still on medication under HPUPM”. - (R5)

“Ha.. ada.. sakit pinggang, sakit tangan. Memang adalah jugak kan, kadang kita pinggang tu kita tak kuat nak angkat kan.. kita pompuan kan.. lepas tu ha.. memang ada pernah kena ada sakit pinggang. doktor suggest jangan kerja berat, tak boleh.. tapi kalau tu kita macam terpaksa.. adalah jugak minta bantuan anak tapi anak tu dia tak duduk sekalian..”.- (R4)

“...sebab ayah pun tak larat sangat untuk angkat sebab ayah saya ada pernah operation jantung semua.., so kalau nak angkat-angkat memang selalunya tunggu bantuan daripada abang sayalah. ...kalu untuk ibu saya ada, sebab faktor usia jugak kan.. mungkin dia tak boleh buat kerja beratlah, jadi kami cubalah bantu mana yang kami mampu”. - (R6)

Keperluan Sosial

Hasil kajian menunjukkan bahawa keperluan sosial dalam kalangan sebahagian besar penjaga menjadi terhad kerana penjaga perlu memberikan lebih masa dan perhatian kepada warga emas yang dijaga. Walaupun mereka masih lagi dapat berjumpa dengan kawan-kawan atau melakukan aktiviti bersama keluarga, mereka perlu membataskan masa untuk bersama mereka. Malahan penjaga turut melaporkan bahawa mereka berasa bosan walaupun mempunyai berkemampuan dari segi kewangan atau kenderaan tetapi disebabkan aktiviti penjagaan WEU tersebut menyebabkan pergerakan mereka menjadi terbatas. Penjaga juga tidak dapat terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti program gotong-royong, kenduri kahwin, bergaul dengan masyarakat ataupun menghadiri seminar dan sebagainya. Penjaga juga mengatakan bahawa mereka tidak berpeluang untuk terlibat sekiranya tiada sesiapa yang dapat mengambil alih tugas menjaga warga emas di rumah. Sebaliknya, bagi penjaga yang berkongsi tanggungjawab bersama ahli keluarga lain didapati mereka mengambil tanggungjawab secara bergilir-gilir untuk menjaga WEU sekiranya terdapat mana-mana ahli keluarga perlu menghadiri aktiviti di luar. Oleh itu, masa bersosial mereka adalah lebih bebas berbanding penjaga yang melaksanakan tanggungjawab secara berseorangan.

“...disebabkan pergerakan dia terbatas. Aa.. lepas tu some kind.. tension jugak sebab pergerakan terbatas tulah. Tak dapat nak ke sana. Kadang nak visit, dh sakit. Erm.. tak free macam before aa.. tak free macam sebelum sakit (R2). ... jadi boringlah hari-hari macam ni. ...Kereta ada, duit.. duit bukanlah takde sangat.. tapi klu kata nak jalan, tukar-tukar ni boleh, tapi tak dapat”. - (R2)

“aunty takdelah keluar sangat. Paling lama pun 4 hours macam tu then I come back. Kalu dia soranglah. Klu ada anak saya aa.. boleh keluar lama sikitlah. ...nak pergi seminar memang tak boleh sebab whole day semua kan? Aa.. tu memang betul time. Kalau takde orang, aunty tak pergi langsung”. - (R5)

“Kami ambil giliranlah saya dan adik beradik saya, ...ha ambil giliran untuk siapa yang boleh tengok atuk. Klu contoh macam mak saya atau ayah saya ada check up kat hospital ke, ... Jadi saya dengan adik beradik yang lain teman atuk. Ataupun kalau melibatkan kawan2 saya mungkin ibu ayah saya ada di rumah untuk tengokkan atuk”. - (R6)

Rehat dan Tidur Tidak Mencukupi

Dari aspek rehat dan tidur, kajian mendapati hampir semua penjaga menyatakan bahawa mereka letih dan tidak mempunyai rehat atau tidur yang mencukupi. Penjaga didapati letih kerana perlu mencari warga emas yang keluar dari rumah dan letih kerana perlu melakukan banyak kerja rumah. Penjaga tiada masa untuk berehat atau healing, tidak cukup tidur kerana terlalu penat ataupun penjaga perlu berjaga sama disebabkan warga emas yang tidak dapat tidur pada waktu malam. Berikut merupakan petikan perbualan yang membuktikan hal ini berlaku:

“Letih tu kerana apa.. dia suka keluar hilangkan diri macam tu. Pastu kita tercari-cari.. mana pergi.. mana dia pergi...”. - (R1)

“Rehat very limited. Aa.. because kita punya warga emas kan.. sebab kita punya energy dah kurang. Aa.. faham? .. let say kita dah pergi ke kedai ke kita beli-beli barang, and then balik kita need rest. Sebab kita dah tired kan.. hm..tapi masa tu kurang.. sebab kita nak kemas,.. sebab kita nak buat semua kerja”. - (R2)

“Kadang klu atuk saya macam susah nak tidur, kadang batuk ke tengah malam kan.. so.. jadi kami selalu pantau atuk macam tengah malam tu macam tugas kamilah jaga atuk”. - (R6)

Impak Pekerjaan

Kajian ini turut mendapati terdapat penjaga (R3) yang mengambil keputusan untuk berhenti kerja kerana ingin menjaga warga emas uzur di rumah. Walau bagaimanapun, beliau mencari alternatif dengan melakukan pekerjaan sendiri di rumah dengan cara berniaga secara kecil kecilan seperti menjual keropok, kek lapis, bahu dan sebagainya di samping pendapatan isteri beliau yang masih bekerja.

“...tahun 2020 tu saya stop bekerja, masa tu dengan covidnya.. kan. Ayah pun sakit, emak pun sakit dan sebagainya, jadi itu salah satu sebab kenapa saya berhentilah. Isteri saya, saya bagi dia bekerja. ...That's why saya jual keropok apa semua..., kek lapis.. kan.. bukan kek lapis.. bahu.. bahu roll .. ha..bahu gulung tu saya jual. tu untuk income sayalah”. - (R3)

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa kesemua WEU ini dijaga oleh ahli keluarga terdekat terutama dalam kalangan isteri, anak dan cucu. Kebanyakan mereka adalah wanita dan menjadi penjaga secara automatik disebabkan ikatan perkahwinan dan pertalian darah yang mana dapatan kajian ini konsisten dengan kajian lepas (Hinders, 2019; Khadijah & Fazni, 2022). Isteri juga merupakan orang pertama yang akan menjadi penjaga kepada suami mereka. Namun peranan tersebut akan diambil alih oleh anak sulung atau cucu kepada anak sulung setelah WEU kematian pasangan. Malah kajian menjangkakan pada masa akan datang, lebih ramai lagi isteri akan menjadi penjaga WEU kerana biasanya lelaki akan mengahwini perempuan yang lebih muda daripada mereka. Selain itu, trend umur berkahwin yang semakin lewat, gaya hidup individualistik, pasangan dwikerjaya dan sokongan daripada ahli keluarga luas dan komuniti yang semakin terhad menyebabkan isteri berisiko tinggi untuk menjadi penjaga kepada suami mereka di hari tua nanti.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penjagaan WEU telah membuatkan keperluan diri penjaga tidak dapat dipenuhi dari aspek kesejahteraan emosi. Kesemua penjaga kajian ini didapati mengalami stres namun tahap tekanan yang dialami berbeza-beza di antara satu sama lain. Paling kritikal adalah terdapat penjaga yang sukar mengawal perasaan marah dan geram sehingga mendatangkan kesan fizikal kepada tubuh badan warga emas. Tindakan ini ternyata menyokong dapatan kajian Faizal et al. (2023) yang mana penjaga mengakui bahawa mereka mungkin boleh menyakiti warga emas apabila sampai satu tahap tertentu. Sekiranya dibiarkan, masalah ini boleh menjadi lebih serius dan menjadi kes penderaan warga emas.

Dari segi keperluan sosial didapati hampir semua penjaga WEU ini tiada masa untuk bersosial terutama aktiviti yang melibatkan masyarakat setempat. Malah sebahagian penjaga telah menjadi *introvert* kerana terlalu fokus kepada aktiviti penjagaan semata-mata. Hal ini boleh menyebabkan penjaga kehilangan jaringan sosial yang lebih luas dan perkara ini akan menyukarkan mereka untuk mendapatkan sumber sokongan sosial daripada ahli masyarakat kelak.

Penjaga juga didapati tidak cukup rehat dan tidur, sedangkan keperluan ini sangat penting bagi membolehkan penjaga kembali segar dan bertenaga untuk melaksanakan tugas penjagaan pada hari berikutnya. KTD penjaga juga berlaku dari segi impak pekerjaan yang mana terdapat juga kes penjaga yang sanggup berhenti kerja demi menjaga ibubapa mereka yang uzur. Walaupun kes ini tidak ramai, tetapi asas bukti ini menunjukkan perkara ini berlaku di negara kita. Hal ini akan merugikan negara dari segi kehilangan sumber tenaga buruh yang produktif. Untuk menangani atau mengurangkan KTD dalam kalangan penjaga ini terus berlaku, maka dicadangkan agar keperluan penjaga ini diberi perhatian oleh semua pihak terutama hal yang melibatkan dasar dan program berkaitan warga emas dan penjaga mereka. Secara tidak langsung akan meningkatkan kesejahteraan hidup penjaga dan warga emas yang dijaga.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa penjagaan WEU sememangnya mendatangkan cabaran dan menjejaskan KTD penjaga. Lima tema KTD yang dialami penjaga adalah kesejahteraan emosi, masalah kesihatan, keperluan sosial, rehat dan tidur dan impak pekerjaan. Kesemua penjaga WEU dalam kajian ini mengalami sekurang-kurangnya satu KTD dan KTD paling kerap dialami adalah kesejahteraan emosi. Terdapat penjaga yang mengalami stress pada tahap kritikal sehingga membawa kepada kesan negatif kepada tubuh WEU dan segelintir penjaga perlu mendapatkan rawatan di hospital kerana masalah kemurungan dan kebimbangan yang dialami. Penjaga juga tidak mendapat rehat dan tidur yang mencukupi. Masa untuk bersosial juga terhad malahan kebanyakan penjaga tidak terlibat dalam aktiviti masyarakat. Selain itu, terdapat penjaga yang mengambil langkah berhenti kerja untuk memberi fokus kepada penjagaan WEU semata-mata. Kesemua KTD ini jelas menunjukkan bahawa isu KTD dalam kalangan penjaga ini bukan sahaja memberi impak besar kepada diri penjaga malah juga kepada warga emas yang dijaga. Malahan isu ini berisiko menjadi lebih serius dan ini akan merugikan individu, masyarakat dan negara. Justeru, polisi dan program bagi menyokong penjaga WEU di rumah perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar KTD dalam kalangan penjaga akan datang dapat dikurangkan.

Penghargaan: Ucapan penghargaan ditujukan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM serta semua penjaga warga emas uzur yang terlibat dalam kajian ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Kajian ini telah mendapatkan persetujuan termaklum daripada semua responden sebelum terus terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Semua penulis menyatakan tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdullah, F., Ah, S. H. A. B. & Mohamad, M. S. (2015). Cabaran dalam penjagaan tidak formal di Malaysia. *Journal of Sarjana*, 30(2), 41-56.
- Akgun-Citak, E., Attepe-Ozden, S., Vaskelyte, A., van Bruchem-Visser, R. L., Pompili, S., Kav, S., ... & Mattace-Raso, F. U. (2020). Challenges and needs of informal caregivers in elderly care: Qualitative research in four European countries, the TRACE project. *Archives of Gerontology and Geriatrics*, 87, 103971.
- Alavi, K., Sail, R. M., Idris, K., Samah, A. A., & Chan, C. (2011). Keperluan sokongan emosional dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua. *e-BANGI: Journal of Social Sciences & Humanities*, 6(1), 102.

- Andrew, M. K., Fisk, J. D., & Rockwood, K. (2012). Psychological well-being in relation to frailty: A frailty identity crisis? *International Psycho-Geriatrics*, 24(8), 1347–1353. <https://doi.org/10.1017/S1041610212000269>
- Clarke, V., & Braun, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. *Successful Qualitative Research*, 1-400.
- Denham, A. M., Wynne, O., Baker, A. L., Spratt, N. J., Turner, A., Magin, P., ... & Bonevski, B. (2020). An online survey of informal caregivers' unmet needs and associated factors. *PLoS One*, 15(12), e0243502. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0243502>
- Desai, M. M., Lentzner, H. R., & Weeks, J. D. (2001). Unmet need for personal assistance with activities of daily living among older adults. *The Gerontologist*, 41(1), 82-88.
- Diwan, S., & Moriarty, D. (1995). A conceptual framework for identifying unmet health care needs of community dwelling elderly. *Journal of Applied Gerontology*, 14(1), 47-63.
- Endal, G. G., Søvde, B. E., Terum, T. M., & Andersen, J. R. (2023). Bruk av Share-FI til å avdekke skrøpelegheit ved kognitiv svikt. *Sykepleien Forskning (Oslo)*, 18(92075), e-92075. <https://doi.org/10.4220/Sykepleienf.2023.92075>
- Faizal, N., Alavi, K., & Ismail, N. A. (2023). Meneroka Beban Penjagaan dan Kesejahteraan dalam kalangan Penjaga Warga Emas Terlantar. *Akademika*, 93(3), 169-180. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-13>
- Figueiredo, M. D. L. F., Gutierrez, D. M. D., Darder, J. J. T., Silva, R. F., & Carvalho, M. L. D. (2021). Formal caregivers of dependent elderly people in the home: challenges experienced. *Ciência & Saúde Coletiva*, 26, 37-46. <https://doi.org/10.1590/1413-81232020261.32462020>
- Fried, L.P., Tangen, C.M., Waltson, J., Newman, A.B., Hirsh, C., Gottdiener, J., Seeman, T., Tracy, R., Kop, W. J., Burke, G., & McBurnie, M. A. (2001). Frailty in older adults: Evidence for a phenotype. *Journal of Gerontology: Medical Sciences*, 56.A, M146–M156.
- Gemito, L., Alves, E., Moreira, J., Marques, M. F., Caldeira, E., Ferreira, R., ... & Lopes, M. (2024). Programmes Addressed to Informal Caregivers' Needs: A Systematic Literature Review. *Geriatrics*, 9(3), 71. <https://doi.org/10.3390/geriatrics9030071>
- Gobbens, R. J., Luijckx, K. G., Wijnen-Sponselee, M. T., & Schols, J. M. (2010). Toward a conceptual definition of frail community dwelling older people. *Nursing outlook*, 58(2), 76-86.
- He, S., Craig, B. A., Xu, H., Covinsky, K. E., Stallard, E., Thomas III, J., Zach, H. & Sands, L. P. (2015). Unmet need for ADL assistance is associated with mortality among older adults with mild disability. *Journals of Gerontology Series A: Biomedical Sciences and Medical Sciences*, 70(9), 1128-1132. <https://doi.org/10.1093/gerona/glv028>
- Hermsen, L. A., Hoogendijk, E. O., van der Wouden, J. C., Smalbrugge, M., Leone, S. S., van der Horst, H. E., & Dekker, J. (2018). Self-perceived care needs in older adults with joint pain and comorbidity. *Aging Clinical and Experimental Research*, 30, 449-455. <https://doi.org/10.1007/s40520-017-0795-7>
- Hinders, J. A. S. (2019). *Unmet Support Needs of Informal Caregivers of Older Adults* (Doctoral dissertation, Walden University).
- Hoogendijk, E.O., Muntinga, M.E., van Leeuwen, K.M., van der Horst, H.E., Deeg, D.J., Frijters, D.H., Hermsen, L.A., Jansen, A.P., Nijpels, G. and van Hout, H.P., (2014). Self-perceived met and unmet care needs of frail older adults in primary care. *Archives of gerontology and geriatrics*, 58(1), 37-42.
- Hughes, T., Black, B., Albert, M., Gitlin, L., Johnson, D., Lyketsos, C., & Samus, Q. (2014). Correlates of objective and subjective measures of caregiver burden among dementia caregivers: Influence of unmet patient and caregiver dementia-related care needs. *International Psychogeriatrics*, 26(11), 1875-1883. <https://doi.org/10.1017/S1041610214001240>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA, 2022 (2).pdf*. <https://www.dosm.gov.my/uploads/publications/20221006100333.pdf>
- Janssen, N., Handels, R. L., Köhler, S., Gonçalves-Pereira, M., Marques, M. J., Irving, K., ... & Actifcare Consortium. (2020). Profiles of met and unmet needs in people with dementia according to caregivers' perspective: Results from a European multicenter study. *Journal of the American Medical Directors Association*, 21(11), 1609-1616. <https://doi.org/10.1016/j.jamda.2020.05.009>

- Jika, B. M., Khan, H. T., & Lawal, M. (2021). Exploring experiences of family caregivers for older adults with chronic illness: a scoping review. *Geriatric Nursing*, 42(6), 1525-1532. <https://doi.org/10.1016/j.gerinurse.2021.10.010>
- Kalánková, D., Stolt, M., Scott, P. A., Papastavrou, E., Suhonen, R., & RANCARE COST Action CA15208. (2021). Unmet care needs of older people: A scoping review. *Nursing Ethics*, 28(2), 149-178. <https://doi.org/10.1177/0969733020948112>
- Khadijah Alavi & Fazni Mat Arifin. (2022). *Rumahku Surgaku: Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lekan, D. A., Collins, S. K., & Hayajneh, A. A. (2021). Definitions of frailty in qualitative research: A qualitative systematic review. *Journal of Aging Research*, 2021, 1–20. <https://doi.org/10.1155/2021/6285058>
- Mansfield, E., Cameron, E. C., Boyes, A. W., Carey, M. L., Nair, B., Hall, A. E., & Sanson-Fisher, R. W. (2022). Prevalence and type of unmet needs experienced by carers of people living with dementia. *Aging & Mental Health*, 1-7. <https://doi.org/10.1080/13607863.2022.2053833>
- Nassuruddin, A. S. M. (2021). Pembiayaan nafkah ibu bapa: Kajian pelaksanaan di Pasir Mas Kelantan. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 97-112.
- Nurhayati Mohamad, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Nur Saadah Mohamad Aun. (2017). pengalaman sokongan sosial intergenerasi dalam kalangan warga emas di Institusi Kebajikan Awam. *Akademika*, 87(1), 65-74.
- Rasiah, J., Gruneir, A., Oelke, N. D., Estabrooks, C., Holroyd-Leduc, J., & Cummings, G. G. (2022). Instruments to assess frailty in community dwelling older adults: A systematic review. *International Journal of Nursing Studies*, 134, 104316. <https://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2022.104316>
- Saadah, N. M., & Abdullah, H. (2015). Strategi daya tindak dan program sokongan sosial untuk penjaga tidak formal. *e-BANGI: Journal of Social Sciences & Humanities*, 10(1), 170.
- Sieber, C. C. (2017). Frailty – From concept to clinical practice. *Experimental Gerontology*, 87(Pt B), 160–167. <https://doi.org/10.1016/j.exger.2016.05.004>
- Søvde, B. E., Sandvoll, A. M., Natvik, E., & Drageset, J. (2024). Caregiving for frail home-dwelling older people: A qualitative study of family caregivers' experiences. *International Journal of Older People Nursing*, 19(1), e12586. <https://doi.org/10.1111/opn.12586>
- Stein, J., Luppá, M., König, H. H., & Riedel-Heller, S. G. (2014). Assessing met and unmet needs in the oldest-old and psychometric properties of the German version of the Camberwell Assessment of Need for the Elderly (CANE)—a pilot study. *International psychogeriatrics*, 26(2), 285-295. <https://doi.org/10.1017/S1041610213001993>
- Tamat, A., & Vellymalay, S. K. N. (2019). Warga emas dan pilihan penempatan di Pusat Jagaan Harian. *e-BANGI: Journal of Social Sciences & Humanities*, 16, 1-22.
- Tsai, C. F., Hwang, W. S., Lee, J. J., Wang, W. F., Huang, L. C., Huang, L. K., ... & Fuh, J. L. (2021). Predictors of caregiver burden in aged caregivers of demented older patients. *BMC geriatrics*, 21, 1-9. <https://doi.org/10.1186/s12877-021-02007-1>
- Vlachantoni, A., Evandrou, M., Falkingham, J., & Qin, M. (2024). Dynamics of unmet need for social care in England. *Ageing & Society*, 44(6), 1247-1265. <https://doi.org/10.1017/S0144686X22000745>
- Walston, J., Hadley, E. C., Ferrucci, L., Guralnik, J. M., Newman, A. B., Studenski, S. A., ... & Fried, L. P. (2006). Research agenda for frailty in older adults: toward a better understanding of physiology and etiology: summary from the American Geriatrics Society/National Institute on Aging Research Conference on Frailty in Older Adults. *Journal of the American Geriatrics Society*, 54(6), 991-1001.
- Weaver, R. H. (2017). *Service Use and Health Outcomes of Low Income Older Adults with Unmet Needs*. (Doctoral dissertation, Virginia Polytechnic Institute and State University).
- World Health Organization. (2017). *WHO clinical consortium on healthy ageing: topic focus: frailty and intrinsic capacity: report of consortium meeting, 1–2 December 2016 in Geneva, Switzerland* (No. WHO/FWC/ALC/17.2). World Health Organization.

- Xiao, C., Patrician, P. A., Montgomery, A. P., Wang, Y., Jablonski, R., & Markaki, A. (2024). Filial piety and older adult caregiving among Chinese and Chinese-American families in the United States: a concept analysis. *BMC nursing*, 23(1), 115. <https://doi.org/10.1186/s12912-024-01789-0>
- Zhao, J., Liu, Y. W. J., Tyrovolas, S., & Mutz, J. (2023). Exploring the concept of psychological frailty in older adults: a systematic scoping review. *Journal of Clinical Epidemiology*. 159, 300-308. <https://doi.org/10.1016/j.jclinepi.2023.05.005>